

Basir Ismail meninggal dunia

BH- 20/1/2007

KUALA LUMPUR: Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Tan Sri Basir Ismail, meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), di sini, awal pagi semalam.

Basir, 80, yang mendapat rawatan di situ sejak beberapa minggu lalu kerana sakit tua, menghembuskan nafas terakhir pada kira-kira jam 6 pagi, ketika semua ahli keluarganya berada di sisinya.

Seorang kenalan keluarganya, Hanafiah Hamidon, berkata Allahyarham pernah meminta supaya dibawa pulang ke rumahnya minggu lalu selepas dua minggu dirawat di PPUM.

"Bagaimanapun, pada pagi Jumaat minggu lalu, kesihatannya semakin uzur sehingga beliau tidak dapat ke masjid seperti selalu dan terpaksa dimasukkan semula ke PPUM," katanya ketika dihubungi, di sini.

Dilahirkan pada 11 Februari 1927, Allahyarham meninggalkan isteri, Puan Sri Hamidah Abdul Rahman dan empat cahaya mata iaitu anak lelaki tunggal Ahmad Riza dan tiga perempuan masing-masing Roshayati, Rozilawati dan Rozana Zeti.

Antara yang menziarah jenazah Allahyarham di kediamannya di Petaling Jaya ialah bekas Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Dr Ani Arope dan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Jenazah Allahyarham selamat dikuburkan di kampungnya di Tanah Perkuburan Islam Masjid Ikhwaniah, Kampung Simpang dekat Tai-

ping, Perak selepas solat Jumaat.

Jenazah tiba di masjid kampung berkenaan pada jam 1.15 petang, sempat disembahyangkan oleh hampir semua jemaah yang hadir untuk mengerjakan solat Jumaat di situ.

Seorang ahli keluarganya memberitahu, memang menjadi harapan Allahyarham untuk disemadikan di kampung kelahirannya. Ketika hayatnya, Allahyarham adalah pe-

naung masjid berkenaan.

Turut hadir, isteri Menteri Besar Perak, Datin Seri Kamariah Mokri; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Perak, Datuk Mat Isa Ismail; bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Pegawai Kewangan negeri, Datuk Jamalluddin Al Amini Ahmad.

Dilahirkan pada 11 Februari 1927 di Simpang Matang, dekat Taiping, Al-

lahyarham mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Matang sebelum melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Sekolah King Edward VII.

Beliau mendapat ijazah Sarjana Sains Pertanian dari Universiti Durham, United Kingdom selepas mendapat pendidikan lanjutan dalam bidang yang sama di Kolej Pertanian Serdang pada 1951.